

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN
ISMAIL [PANDAN]**

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimana pencapaian terkini Kementerian untuk mensasarkan 11 ribu kaunselor profesional dilahirkan bagi tahun 2020 agar dapat menyeimbangkannya dengan nisbah penduduk yang sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada 2018 pernah menyasarkan negara bakal memiliki sejumlah 11,000 kaunselor berdaftar menjelang 2020 iaitu nisbah seorang kaunselor bagi setiap 2,945 penduduk (1: 2,945). Ketika itu, KPWKM hanya merekodkan seramai 8,039 kaunselor yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor iaitu nisbah seorang bagi setiap 4,030 penduduk (1: 4,030).

Sehingga 31 Ogos 2021, KPWKM melalui Lembaga Kaunselor telah berjaya mendaftarkan seramai 9,618 kaunselor berdaftar. Jumlah ini telah dapat mengecilkan nisbah seorang kaunselor berdaftar dengan bilangan penduduk iaitu seorang kaunselor berdaftar kepada 3,327 penduduk (1: 3,327).

KPWKM melalui Lembaga Kaunselor akan terus mempertingkatkan usaha untuk menambah bilangan kaunselor berdaftar bagi menampung keperluan semasa. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah seperti:

- Menambah baik proses urusan pendaftaran kaunselor dengan melaksanakan Tindakan seperti menerima permohonan secara dalam talian dan sesi pengesahan kelayakan kaunselor dilaksanakan secara dalam talian;
- Menggalakkan penambahan penawaran program latihan kaunselor di peringkat Ijazah Pertama dan Ijazah Sarjana di Institusi Pengajian Tinggi Awam serta Institusi Pengajian Tinggi Swasta; dan
- Memberikan fleksibiliti berhubung pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi sejajar dengan perintah kawalan pergerakan semasa krisis COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]
TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan pencapaian sistem Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PdPR) sepanjang tempoh Pandemik COVID-19 dari segi penerimaan dan pencapaian pelajar, aduan para guru dan maklum balas ibu-bapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada sistem persekolahan. Sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka menjadi lebih singkat apabila sekolah ditutup bagi membendung penularan COVID-19. Dalam tempoh tersebut, KPM telah menyediakan akses pembelajaran kepada murid melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) mengikut kesesuaian guru dan murid.

Bagi menilai tahap keberkesanan PdP semasa tempoh penutupan sekolah, KPM telah melaksanakan Kajian Keberkesanan Pelaksanaan *Home-based Learning* yang ditadbir secara dalam talian. Kajian ini memfokuskan kepada PdPR semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Skop kajian meliputi aspek pelaksanaan PdPR dalam tempoh

SOALAN NO: 17

Mac hingga Julai tahun 2020 yang merangkumi pendekatan, kaedah, strategi, aplikasi dan peralatan yang digunakan. Selain itu, kajian tersebut juga melihat kepada penjadualan PdPR, penyusunan semula Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) dan pentaksiran. Kajian ini melibatkan 13,156 orang pentadbir sekolah, 39,967 orang guru, 52,413 orang murid dan 59,624 orang ibu bapa/penjaga.

Dapatan kajian menunjukkan pelibatan murid di bandar dalam PdPR secara dalam talian adalah sebanyak 59.3 peratus berbanding 51.4 peratus bagi murid di luar bandar. Bagi RPT pula, 46.2 peratus guru di bandar mencapai sasaran pelaksanaan berbanding dengan 39.1 peratus guru di luar bandar.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan tahap keberkesanan PdPR adalah pada tahap sederhana. Sebanyak 34.1 peratus murid menyatakan hasil pembelajaran di rumah adalah tidak seperti yang diperoleh di sekolah.

Selain itu, 51.2 peratus murid berasa tertekan semasa pembelajaran di rumah. Daripada kumpulan tersebut, 48.9 peratus murid menyatakan sebab tertekan adalah kerana interaksi yang terhad dengan guru, manakala 55.0 peratus murid tertekan disebabkan interaksi terhad dengan rakan-rakan. Sebanyak 53.4 peratus murid pula tertekan disebabkan kurang bimbingan dalam sesi pembelajaran.

Sebaliknya, terdapat murid menganggap PdPR merupakan suatu pengalaman baharu. Sebanyak 56.6 peratus murid berjaya melibatkan diri secara aktif semasa sesi pembelajaran di rumah dan 49.7 peratus murid berasa seronok semasa mengikuti PdPR. Sebanyak 57.5 peratus murid berjaya menyiapkan tugas atau latihan yang diberikan oleh guru dalam masa yang ditetapkan. Dapatan kajian juga menunjukkan sebanyak 36.0 peratus murid boleh belajar sendiri menggunakan bahan pembelajaran di rumah dalam tempoh PKP.

Di samping murid, dapatan kajian turut menunjukkan 66 peratus daripada ibu bapa/penjaga bersetuju bahawa PdPR berkesan untuk pembelajaran anak mereka. Sebanyak 84.1 peratus ibu bapa/penjaga membantu anak mereka untuk melaksanakan tugas yang diberikan

SOALAN NO: 17

oleh guru. Manakala, 75.9 peratus ibu bapa/penjaga telah membantu anak mereka untuk mengakses aplikasi dalam talian sepanjang tempoh PKP. Ibu bapa/penjaga juga mengakui bahawa anak mereka berasa seronok mengikuti pembelajaran semasa PKP (38.5%).

Selain daripada pelaksanaan kajian tersebut, pada suku tahun pertama 2021, KPM telah menjalankan Tinjauan Pelaksanaan PdPR yang melibatkan 500 buah sekolah melalui pemerhatian terhadap PdPR yang dilaksanakan dalam talian atau gabungan dalam dan luar talian. Pemerhatian dilaksanakan melalui kehadiran Nazir Sekolah dalam kelas PdPR secara dalam talian. Pemerhatian ini dimaklumkan lebih awal kepada guru yang terlibat.

Sebanyak 1,053 pemerhatian dilaksanakan ke atas PdP guru. Tinjauan mendapati 98.7 peratus guru dapat mengelola isi pelajaran yang diajar mengikut peruntukan masa yang ditetapkan. Sebanyak 97.4 peratus guru berjaya membimbing murid untuk memahami dan menguasai isi, konsep dan fakta berkaitan pelajaran. Sementara itu, 96.7 peratus guru berjaya menarik perhatian murid untuk memberi respons terhadap pembelajaran dan memastikan keterlibatan murid semasa PdPR secara *real-time*.

Hasil tinjauan juga mendapati murid memberi respons positif terhadap tugas yang diberikan oleh guru dalam 97.5 peratus PdPR yang diperhatikan. Murid juga dapat melengkap dan menghantar tugas dengan pelbagai cara antaranya, melalui rakaman video, slaid pembentangan dan *voice call*.

Rumusan daripada tinjauan ini menunjukkan bahawa guru berupaya merangsang murid berfikir dan berkomunikasi dalam PdPR. Guru juga dapat melaksanakan aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan dan menarik minat murid untuk belajar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam memastikan semua murid mengikuti PdPR, data pelaporan pelibatan murid dikumpul secara harian bagi tujuan tindak susul dan intervensi pada peringkat sekolah, daerah dan negeri. Pelibatan murid merujuk kepada penyertaan mereka

SOALAN NO: 17

dalam sesi PdPR sama ada secara dalam talian, luar talian, *off-site* atau gabungan.

Data pelaporan bermula 20 Januari hingga 30 Ogos 2021 menunjukkan peratus murid yang mengikuti PdPR meningkat. Pelibatan murid sekolah rendah meningkat sebanyak 12.1 peratus iaitu daripada 87.1 peratus kepada 99.2 peratus. Pelibatan murid sekolah menengah pula meningkat sebanyak 19.3 peratus iaitu daripada 78.0 peratus kepada 97.3 peratus.

Secara kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan PdPR berhadapan dengan pelbagai cabaran dan kekangan pada peringkat awal. Namun, intervensi yang dilaksanakan oleh KPM telah membantu murid mengikuti PdPR dengan lebih baik.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa memantau maklum balas pelaksanaan PdPR daripada pelbagai pihak termasuklah guru dan ibu bapa. Pemantauan ini dibuat melalui pendekatan secara langsung atau tidak langsung. Ini termasuklah laporan yang disampaikan terus kepada KPM dan laporan di media massa.

Berdasarkan maklumat yang peroleh oleh KPM, masalah yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan kesukaran yang dialami guru untuk diisi pelaporan PdPR secara hari. KPM telah membangunkan Sistem Pelaporan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (SPdPR) bagi memudahkan pelaporan harian guru dan pemantauan oleh pentadbir sekolah, PPD, JPN dan KPM secara *real-time*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM turut memperkasa program latihan pembangunan profesionalisme berterusan (PPB) kepada guru. Ini termasuklah latihan yang memberi fokus kepada kemahiran digital, pedagogi dalam dan luar talian serta pentaksiran secara dalam talian dan luar talian. Sehingga 17 September 2021, sebanyak 12,048 aktiviti PPB berkaitan PdPR dan 1,949 PPB berkaitan Digital/ICT telah direkodkan.

Usaha untuk meningkatkan pelibatan ibu bapa/penjaga dalam pembelajaran anak/anak jagaan juga tidak ditinggirkan. Antaranya, KPM menyediakan Kit Ibu Bapa: Pelaksanaan Kurikulum bagi

SOALAN NO: 17

Kegunaan Pembukaan Semula Sekolah Tahun 2020 dan panduan umum kepada ibu bapa dalam modul Asas Literasi dan Numerasi Tahun 2021.

KPM dengan kerjasama jabatan pendidikan negeri dan pejabat pendidikan daerah turut melaksanakan aktiviti bagi meningkatkan kefahaman ibu bapa/penjaga berkaitan PdPR. Sehingga Ogos 2021, sebanyak 77 aktiviti seperti libat urus, bual bicara dan webinar yang melibatkan ibu bapa/penjaga telah dilaksanakan. Sokongan kepada sosioemosi ibu bapa/penjaga turut diberi perhatian.

Sesi konsultasi oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling diberikan kepada ibu bapa/penjaga yang memerlukan bantuan konsultasi berkaitan pembelajaran anak/anak jagaan mereka. Seramai 21,306 ibu bapa/penjaga terlibat dalam sesi konsultasi ini dari bulan Januari 2021 hingga 15 September 2021.

KPM yakin kerangka holistik yang dirancang dan dilaksanakan ini membolehkan murid mengikuti PdPR secara lebih berkesan. Pada masa yang sama, KPM telah merangka pelan pembukaan semula sekolah yang komprehensif untuk membawa murid kembali ke sekolah dalam keadaan teratur dan selamat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN
HAJI HAMZAH
[KUBANG PASU]**
TARIKH : **20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)**

SOALAN

Dato' Wira Haji Amiruddin Bin Haji Hamzah [Kubang Pasu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan cukai keuntungan luar jangka atau (*Windfall Tax*) untuk menambah pendapatan Kerajaan sekaligus membolehkan Kerajaan menyuntik lebih banyak kepada ekonomi. Jika ya, apakah definisi keuntungan luar jangka dan kadar cukai yang akan dikenakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, levi keuntungan luar biasa atau dengan izin *windfall profit levy*, telah diperkenalkan melalui Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1999. Di bawah Seksyen 6(1), Akta berkenaan, Menteri Kewangan boleh mengenakan levi ke atas apa-apa amaun yang ditetapkan melalui Perintah yang disiarkan dalam Warta, yang melebihi apa-apa amaun untung yang ditetapkan dalam Perintah, dan diperolehi daripada pengeluaran barang-barang yang ditetapkan dalam Perintah. Levi hendaklah dibayar oleh pengeluar barang-barang ditetapkan dan hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

Hasrat penggubalan Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 tidak berbentuk spesifik bagi mengenakan levi ke atas komoditi kelapa sawit sahaja tetapi boleh digunapakai bagi mengenakan levi ke atas apa-apa barangan yang ditentukan oleh Menteri Kewangan. Levi dikenakan ke atas minyak sawit mentah sejak tahun 1999 susulan industri minyak sawit mentah telah meraih keuntungan yang lebih kerana harga jualan yang tinggi berikutan kejatuhan nilai Ringgit semasa kegawatan ekonomi ketika itu. Levi ke atas kelapa sawit telah dimansuhkan pada tahun 2003, namun dikenakan semula pada tahun 2008 memandangkan industri sawit merupakan satu industri yang tidak terancam oleh krisis ekonomi, berbanding industri-industri lain seperti pelancongan dan perkhidmatan yang lebih mudah terjejas.

Sejak Akta berkenaan berkuatkuasa, levi belum pernah dikenakan ke atas barangan siap pengguna atau barangan pengilangan tempatan yang lain. Ini kerana adalah sukar untuk menentukan harga pasaran yang seragam bagi barangan siap pengguna atau produk pengilangan tempatan yang mempunyai pelbagai jenis, standard, spesifikasi serta gred yang berbeza-beza mengikut permintaan pasaran.

Sungguhpun tidak dikenakan levi keuntungan luar biasa, industri pengeluaran sarung tangan getah dan lain-lain aktiviti yang menikmati

keuntungan berganda dalam keadaan semasa turut menyumbang *spill over effects* kepada ekonomi negara dari segi cukai langsung dan cukai tidak langsung khususnya cukai pendapatan syarikat yang meningkat, di samping dapat terus menyediakan peluang pekerjaan semasa pandemik COVID-19. Hasil keuntungan tambahan yang diperoleh juga boleh digunakan oleh industri untuk terus membuat pelaburan semula dan mendorong pihak pelabur mengembangkan lagi perniagaannya di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHE ALIAS BIN HAMID minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan langkah strategik jangka pendek bagi mengatasi masalah keciciran murid khususnya bagi Tahun Satu dan Tahun Dua dalam aspek literasi dan numerasi yang merangkumi fasa 3M (membaca, mengira dan menulis).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan pendidikan murid terutamanya dalam aspek literasi dan numerasi diberi keutamaan. Kemahiran 3M (membaca, menulis, mengira) merupakan aspek yang diberi penekanan dalam pendidikan murid di Tahap I iaitu Tahun 1, 2 dan 3. KPM telah melaksanakan Program Pemulihan Khas untuk murid sekolah rendah yang menghadapi masalah menguasai kemahiran asas 3M. Guru pemulihan dengan kerjasama guru mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik memberi bimbingan yang bersesuaian kepada murid sehingga mereka dapat menguasai kemahiran asas 3M.

KPM juga memperkenalkan Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah atau *Primary Literacy and Numeracy* (PLaN) untuk

SOALAN NO: 19

memastikan murid sekolah rendah menguasai sekurang-kurangnya tahap minimum (Tahap Penguasaan 3) dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. Pelaksanaan PLaN ini adalah sebagai program sokongan pengajaran dan pembelajaran yang menyeluruh untuk membantu memantapkan tahap penguasaan 3M.

Bermula September 2021, KPM telah melaksanakan Program Pemerksaan Pelaksanaan Kurikulum (KPMPerkasaKU). Salah satu aspek yang diberi penekanan dalam program ini ialah pemugaran literasi dan numerasi. Penekanan juga diberikan kepada penglibatan ibu bapa dalam menyokong pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Program ini dirangka bagi membolehkan kumpulan murid Tahap I:

- i. menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi;
- ii. mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka atau pengajaran dan pembelajaran di rumah yang bersesuaian dengan tahap keupayaan mereka;
- iii. meneruskan aktiviti pengukuhan literasi dan numerasi dalam pembelajaran seterusnya.

KPM yakin langkah strategik jangka pendek yang dilaksanakan dapat memastikan murid menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi.